



1096 HURUF HIJAIYAH: SUMBER HUKUM HAKAM ILMU TADWID

Muhammad Iqbal Kilwo

Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Bahasa Arab memiliki keyunikan yang sangat luar biasa jika dibandingkan dengan semua bahasa yang lain. Walau demikian, sebelum al Quran diwahyukan, bangsa Arab belum mengenal huruf secara sebutan. Justeru pengenalan dan pembelajaran sebutan huruf Hijaiyah baru diajarkan dalam al Quran. Bahkan menjadi salah satu mujizat al Quran dalam mencabar dan mematahkan tuduhan orang Arab yang musyrik saat itu yang menuduh bahawa al Quran adalah buatan manusia dan bukan wahyu daripada Allah Azza Wajalla. Dimana mereka tidak berdaya membaca huruf huruf Hijaiyah yang merupakan ayat ayat pembuka di berbagai surah dalam al Quran. Hingga hari ini ternyata masih sangat ramai dari berbagai kalangan dalam ummat Islam yang masih lagi belum mengenal cara membaca huruf Hijaiyah tersebut serta berbagai ilmu, hikmah serta rahasia dan kehebatannya. Ini disebabkan huruf Hijaiyah selama ini tidak mendapat tempat dan perhatian dari berbagai kalangan untuk dipelajari. Maka saatnya sekarang kita merubah paradigma yang ada dengan memulai mempelajari huruf huruf Hijaiyah ini dengan betul, bersistim sehingga kita dapat membacanya dengan betul dan memahami perannannya didalam hukum hakam ilmu Tajwid.

Muqoddimah

Bahasa Arab memiliki keyunikan yang sangat luar biasa jika dibandingkan dengan semua bahasa yang lain. Dan keyunikan itu bahkan sudah jelas dari keyunikan huruf hurufnya dimana keseluruhan huruf hijaiyah jika dilafalkan, maka akan menggerakkan semua alat bunyi yang ada pada manusia, dari bibir mulut, lidah dan hingga tenggorokkan.



Selain itu bahawa huruf hijaiyah tidak bergerak sendiri saat dirangkai dalam kalimat, akan tetapi digeakkan oleh alat lain, sehingga satu huruf Arab memiliki bunyi yang banyak disbanding huruf pada semua bahasa yang lain.

Dan huruf Hijaiyah saat di sebut, maka sebutan itu harus berdasarkan statusnya. ketika disebut secara ejaan huruf, maka sebutannya khusus. dan ketika dirangkai dalam kalimat maka sebutannya khusus juga dan antara keduanya tidak sama.

Latar belakang

Perkembangan bahasa Arab hari ini sangat meluas dan cepat di semua kalangan, baik individu, akademik bahkan Negara-negara non Islam dan no Arab seperti Korea Selatan yang telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa Asing kedua untuk dipelajari. Begitu juga dengan tumbuh semaraknya semangat mempelajari bacaan al Quran dikalangan ummat Islam.

Namun disebalik gencarnya semangat mempelajari bahasa Arab dan belajar membaca al Quran di berbagai kalangan

Namun, ternyata masalah materi huruf hijaiyah ini kurang mendapat perhatian yang cukup untuk di kaji dan pelajari. Akibatnya sangat jarang dari mereka mendalami bahasa Arab dan yang mendalami ilmu mengaji yang mengetahui huruf Hijaiyah ini, dan akibatnya masyarakat umum sangat tidak mengenal sebutan Huruf hijaiyah ini.

Keperluan kajian

Kajian tentang huruf Hijaiyah ini sangat penting sebab ia merupakan dasar kepada bahasa Arab sehingga mengandung banyak formula bahasa yang perlu pelajari dan menjadi dasar serta dalil keatas beberapa kaedah bahasa. Dan begitu juga dari segi membaca al Quran, huruf Hijaiyah adalah dasar kepada kalimat dan ayat yang di baca. Bahkan dalam al Quran ada surah – surah yang dimulai dengan huruf Hijaiyah.

Kandungan



- A. Huruf Hijaiyah di kalangan bangsa Arab sebelum turunnya al Quran
- B. Jumlah huruf Hijaiyah dan susunan urutannya.
- C. Kedudukan dan status huruf Hijaiyah serta cara menyebutnya.
- D. Huruf Hijaiyah sebagai dasar dan asas serta asal dan hujjah bagi Ilmu Tajwid.
- E. Kesimpulan dan penutup

I. Huruf Hijaiyah dikalangan bangsa Arab sebelum turunnya al Quran.

Bangsa Arab sebelum kedatangan Islam, dikenal sebagai bangsa yang sangat hebat serta kemuncak yang paling tinggi dalam peradaban bahasa. Walau demikian, Sebelum sebelum al Quran diwahyukan, bangsa Arab belum mengenal huruf secara sebutan. Mereka saat itu tiada keperluan kepada huruf hijaiyah. Sehingga penguasaan mereka yang sangat tinggi dan luas keatas bahasa Arab saat itu adalah dari segi ayat, kalimat dan perbualan serta bersyair.

Justeru pengenalan dan pembelajaran sebutan huruf Hijaiyah baru diajarkan dalam al Quran. Bahkan menjadi salah satu mujizat al Quran dalam mencabar dan mematahkan tuduhan orang Arab yang musyrik saat itu yang menuduh bahawa al Quran adalah buatan manusia dan bukan wahyu daripada Allah Azza Wajalla. Dimana mereka tidak berdaya membaca huruf huruf Hijaiyah yang merupakan ayat ayat pembuka di berbagai surah dalam al Quran.

II. Jumlah huruf Hijaiyah dan susnan urutannya.

1. Jumlah huruf Hijaiyah.

Ulama bahasa berselisih tentang jumlah huruf Hijiyah. Ada yang mengatakan bahawa huruf Hijaiyah berjumlah 28 huruf, dan ada yang mengatakan bahawa jumlah huruf Hijaiyah berjumlah 29 huruf.



Sementara jumlah huruf Hijaiyah di Negara Negara Asia tenggara lebih banyak dari yang ada di Arab. Jika pada pandangan yang menetapkan huruf Hijaiyah sebanyak 28, maka di Asia tenggara menjadi 29 huruf. Dan jika pada pandangan yang menetapkan huruf Hijaiyah sebanyak 29, maka di Asia Tenggara sebanyak 30 huruf.

Penambahan itu berlaku pada hufu (ل dan ا). Ini disebabkan bentuk yang sangat berbeza saat tulisan huruf LAM bersambung dengan huruf ALIF (لا)

2. Susunan huruf Hijaiyah

Huruf Hijaiyah di susun secara berurutan dalam 3 bentuk, mengikuti sebab masing masing sebagai berikut:

- a. **Dari aspek sejarah.** Ada 22 huruf yang merupakan huruf saamiyah, atau yang berasal dari bahasa Saami, iaitu:

ك	ي	ط	ح	ز	و	هـ	د	ج	ب	أ
ت	ش	ر	ق	ص	ف	ع	س	ن	م	ل

Sementara ada 6 huruf yang merupakan huruf Arab, iaitu:

غ	ظ	ض	ذ	خ	ث
---	---	---	---	---	---



Maka, berasas pada aspek sejarah diatas, susunan huruf Hijaiyah adalah dimulai dari huruf Samiyah baru huruf Arab sesuai urutan yang ada pada masing masing, sehingga menjadi:

ي	ط	ح	ز	و	هـ	د	ج	ب	أ
ر	ق	ص	ف	ع	س	ن	م	ل	ك
		غ	ظ	ض	ذ	خ	ث	ت	ش

Susunan kemudian dirangkai dalam kalimat untuk memudahkan hafalan, Iaitu kalimat:

أَجِدُ هَوِّزَ حَطِّي كَلَمَنْ سَعْفَصْ قَرَشْتِ تَخَذُ ضَظْغُ

b. Berasas pada kesamaan bentuk dan kedekatan bunyi.

maka susunan huruf Hijaiyah adalah:

ر	ذ	د	خ	ح	ج	ث	ت	ب	أ
ف	غ	ع	ظ	ط	ض	ص	ش	س	ز
		ي	هـ	و	ن	م	ل	ك	ق

c. Mengikuti pandangan yang memasukan huruf Alif sehingga menjadi 29 huruf.



Sebahagian ulama berpandangan bahawa huruf Alif termasuk dalam bilangan huruf Hijaiyah, sehingga jumlah keseluruhan adalah sebanyak 29 huruf, seperti berikut:

ا	ب	ت	ث	ج	ح	خ	د	ذ	ر
ز	س	ش	ص	ض	ط	ظ	ع	غ	ف
ق	ك	ل	م	ن	و	هـ	ء	ي	

III. Kedudukan dan status huruf Hijaiyah serta cara menyebutnya.

Ada 3 kedudukan huruf hijaiyah untuk disebut:

1. *Huruf dalam kalimat sebagai mutaharrik atau sukun.*

Sebutan setiap huruf yang ada pada kalimat adalah mengikuti bunyi pada kalimat itu sendiri.

			مَسْجِدٌ	Kalimat
د	ج	س	م	Huruf
دٌ	جِ	سٌ	مٌ	Dibaca
Mutaharrik	Mutaharrik	Sukun	Mutaharrik	Mutaharrik / Sukun



2. Huruf dalam kalimat sebagai kata benda (اسم)

Kedudukan huruf pada keliamt (مَسْجِدٌ) diatas adalah sebagai kata benda (اسم)

sebab setiap huruf daripada kalimat tersebut adalah bahagian dari kata benda (اسم) itu sendiri. Atau huruf huruf tersebut menjadi bahan untuk terbentuknya kalimat tersebut.

Setiap bahagian dari kata benda (اسم) adalah kata benda (اسم) Oleh sebab itu, maka setiap huruf daripada kalimat itu dibaca sebagai kata benda, iaitu seperti berikut:

Marifah	Nakirah	Huruf	مَسْجِدٌ
الْمِيمُ	مِيمٌ	م	
السَّيْنُ	سَيْنٌ	س	
الْجِيمُ	جِيمٌ	ج	
الدَّالُّ	دَالٌ	د	

Setiap huruf dalam kalimat bahkan telah menjadi kata benda yang boleh berubah iaitu (اسم معرب). Sehingga boleh dibaca secara nakirah ataupun marifah. Dengan jumlah huruf tidak kurang dari tiga serta kerakhir dengan tanwin. Sehingga huruf yang asal sebutan hanya dua huruf, akan ditambah dengan huruf hamzah sebagai huruf ketiga.

Kata benda	Sebutan nama	Huruf
------------	--------------	-------



ب	بَاءٌ	بَاءٌ . أَبَاءٌ
خ	خَاءٌ	خَاءٌ . أَخَاءٌ

3. Huruf sebagai huruf untuk disebut namanya atau dibunyikan.

ذ	د	خ	ح	ج	ت	ت	ب	ا	Huruf
ذَالٌ	دَالٌ	خَا	حَا	جِيمٌ	ثَا	تَا	بَا	أَلِفٌ	Nama
ع	ظ	ط	ض	ص	ش	س	ز	ر	Huruf
عَيْنٌ	ظَا	طَا	ضَادٌ	صَادٌ	شَيْنٌ	سَيْنٌ	زَايٌ	رَا	Nama
هـ	و	ن	م	ل	ك	ق	ف	غ	Huruf
هَآ	وَآؤٌ	نُونٌ	مِيمٌ	لَامٌ	كَآفٌ	قَآفٌ	فَآ	عَيْنٌ	Nama
							ي	ء	Huruf



يَا	هَمْزُهُ	Nama
-----	----------	------

- Huruf saat disebut sebagai namanya seperti diatas inilah yang tidak banyak diperhatikan untuk dipelajari
- Sebutan huruf untuk namanya seperti diatas yang manjadi asas dan meringkas hukum hakam ilmu tajwid
- Kedudukan huruf untuk sebut namanya seperti diatas, menunjukkan bahawa kedudukan huruf saat disebut namanya adalah tinggi untuk dipelajari diperingkat awal membaca. Sebab untuk menyebut nama nama huruf Hijaiyah ternyata perlu kepada ilmu membaca seperti harokah dan lainnya.

IV. Huruf Hijaiyah sebagai dasar dan asal serta hujjah bagi ilmu tajwid.

perlu disusun semula huruf Hijaiyah mengikuti kumpulan pada fawatihus suwar.

Dibaca	Huruf	Dibaca	Huruf	Dibaca	Huruf	Panjang/pendek	Kumpulan
				أَلِفٌ	ا	Pendek	A
طَا	ط	رَا	ر	حَا	ح	Mad Asli 2 harakah	B
		يَا	ي	هَا	ه		
كَافٌ	ك	قَافٌ	ق	صَادٌ	ص	Mad Lazim 6 harakah	



		لَامٌ	ل	Huruf tengah (ل)	C. (1)	
	مِيمٌ	م	سِينٌ	س	Huruf tengah (س)	C. (2)
			نُونٌ	ن	Huruf tengah (و)	C. (3)
			عَيْنٌ	ع	4 / 6 Harakah	C. (4)

1. Menentukan mutaharrik dan sukun.

Keterangan	Disebut	Ditulis	Huruf
متحرّك - سكون - متحرّك - سكون	همزه	همزة	ء

2. Menentukan bacaan mad dan qosr.

Qosr (pendek)	Madd (panjang)	Sebutan	Huruf
Ya	Tidak	أَلِفٌ	ا
Tidak	Ya	بَا	ب

3. Menentukan mad Asli dan mad fari'.



Jenis madd	Bilangan madd	Sebutan	Huruf
Madd asli	Dua harokah	حَا	ح
Madd lazim	Empat harokah	مِيْم	م
Madd asli	Dua harokah	يَا	ي
Madd lazim	Enam harokah	سِيْن	س
Madd lazim	Empat atau enam harokah	عِيْن	ع

Hasil yang didapat adalah madd Asli dan madd Lazim dimana madd Lazim adalah salah satu dari jenis madd Fari'. Sebab selain dari madd Asli semuanya adalah madd Fari'

4. Menentukan mad lazim mukhoffaf dan mutsaqqol.

Hukum	Sebutan	Huruf
Bacaan bersambung dari ل kepada ر adalah Mad Lazim Mukhoffaf	أَلِفٌ لَامٌ رَا	الر



Bacaan bersambung dari ل kepada م adalah Mad Lazim Mutsaqqol	أَلِفٌ لَّامٍ مِيمٍ	الم
--	---------------------	-----

Petama: ل pada tulisan dan bacaan diatas menjadi asal kepada Mad Lazim. iaitu Mad Lazim adalah: Selepas huruf mad (ا ، ي ، و) huruf sukun asal. Dimana selepas bacaan mad pada huruf ل (لآ) terdapat huruf م berkedudukan sukun secara asal.

Ini adalah asal kepada sebab berlaku hukum Mad Lazim tersebut serta cara membaca atau kadar bacaannya yang lebih dari mad Asli yang hanya dua harakah.

Sehingga format yang ada padanya menjadi dasar kepada semua Mad Lazim Mukhoffafa, sama ada Harfi (dalam bacaan huruf) ataupun kalimi (yang betlaku dalam kalimat) serta menjadi dasar kepada berlakunya Mad lazim Mutsaqqol seperti yang diterangkan berikut ini.

Kedua: م pada tulisan dan bacaan diatas adalah asal berlakunya Mad Lazim mutsaqqol.

Dimana datang selepas bacaan panjang dengan huruf Mad adalah huruf musyaddad. Keterangan kepada yang berlaku tasydidi disini adalah, huruf ل dibaca, akan menghasilkan huruf م sukun asal sebagai huruf terakhir daripada bunyi huruf ل. dimana huruf م sakinah tersebut akan bertemu dengan huruf م mutaharrikah sebagai huruf pertama kepada bunyi huruf م saat dibaca bersambung dalam satu tarikan napas, maka berlaku hukum tajwid huruf م sakinah bertemu dengan huruf م mutaharrikah, yang menghasilkan hukum tajwid Idghom Mutamasilain ma algunnah. Dengan status Idghom adalah Idghom kamil. Dimana Idghom kamil secara tulisan, huruf yang kedua yang menerima Idghom tersebut mesti ditulis secara ber tasydid.

Proses tersebut adalah sebagai berikut:



Tulisan final Mad Lazim Mutsaqqol	Proses Idghom	Tulisan	Huruf
لَا مِئِمَّ	لَا م مِئِمَّ	لَا م مِئِمَّ	ل م

Dari penjelasan tentang proses berlaku Mad Lazim Harfi diatas, maka dapat kita faami dengan jelas bahawa mad lazim Mutsaqqol ini adalah berasal dari Mad Lazim Mukhoffaf. Itu sebabnya definasi tentang mad Lazim adalah sama dengan definasi tentang Mad lazim Mukhoffaf. Sama ada dalam huruf mahupun dalam kalimat.

5. **Menentukan bacaan izhar**
6. **Menentukan Ikhfa**
7. **Menentukan Idghom**

Hukum Tajwid	Bacaan	Tulisan	Huruf
Izhar Syafawi	أَلِفٌ لَّامٌ رَا	ألف لام را	المر
Ikhfa Hakiki	عَيْنٌ سَيْنٌ قَافٌ	عين سين قاف	عسق
Idghom ma algunnah	طَا سَيْنٌ مِئِمَّ	طا سين ميم	طسم

8. **Menentukan bernagai jenis mad dan kadar bacaannya.**
9. **Menentukan bacaan qolqolah.**

Keduanya dapat dilihat pada keterangan berikut:



Jenis Mad dan kadar bacaan	Bacaan	Tulisan	Huruf
Mad Lazim. 6 harakah	كَآفْ	كَآفْ هَا يَا عَيْنْ صَادْ	كَهَيْعَصْ
Mad Asli. 2 harakah	هَا يَا		
Mad Lazim. 4 hakahr	عَيْنْ		
Bacaan Qoloqolah	صَادْ		

Jenis dan kadar bacaan Mad hanya ada tiga jenis secara umumnya. Iaitu:

- Mad Asli dengan kadar bacaan 2 harakah (qosr), maksudnya bacaan mad yang paling pendek.
- Selain mad Asli dan mad lazim Harfi, maka semua jenis bacaan mad dan mad lazim Harfi untuk huruf (ع) adalah boleh dibaca dengan kadar 4 harakah dan tidak boleh 2 harakah. Bacaan mad dengan kadar 4 harakah ini dinamakan (tawassut), iaitu pertengahan.
- Semua Mad Lazim Harfi selain huruf () wajib dibaca dengan kadar 6 harakah. Juga pada beberapa jenis mad yang lain dengan hukum dibolehkan. Kadar 6 harakah ini di istilahkan dengan (tul), iaitu kadar bacaan yang paling panjang dan tidak boleh melebihi kadar ini.

10. Menentukan Ibtida' dan waqaf.



Dalam bacaan al Quran, masalah ibtida, iaitu memulai bacaan dan waqaf, iaitu berhenti membaca adalah sangat penting dari segi ianya menentukan makna ayat dibaca dalam satu tarikan napas sejak dimulai hingga berhenti.

Juga dalam membaca, perkara ibtida atau memulai bacaan adalah sesuatu yang dikenal pasti dalam bahasa Arab bahawa ianya mestilah dimulai dengan huruf yang mutaharrik. Dan tidak boleh ibtida itu dengan huruf sukun. Sebagaimana perkara waqaf dari membaca adalah mesti pada huruf sukun dan tidak boleh waqaf dengan huruf mutaharrik. Bahkan dalam kaedah bahasa arab sendiri telah dipastkan perkara tersebut dengan kaedah:

لا يبدأ العرب بالسكون كما لا ينتهي بالمتحرك

Orang Arab tidak memulai bacaan atau bercakap dengan huruf sukun, sepertimana mereka tidak berhenti membaca atau bercakap dengan huruf mutaharrik.

Oleh sebab itu, jika berlaku sesuatu kalimat itu bermula dengan huruf sukun seperti semua kata perintah (فعل الأمر), maka ditambahkan huruf alif diawal kalimat untuk dimulai bacaan dengan bunyi hamzah. Sama ada berbunyi أْ اِ atau أُ (الكِتَابُ - افْعَلْ . اَكْتُبْ) .

Yang didalam ilmu tajwid dikenal sebagai hamzatul washli.

Hasilnya bahawa, ternyata dalam sebutan untuk semua huruf Hijaiyah, semuanya dimulai dengan huruf mutaharrik. Dan semuanya pula di akhiri atau berhenti dengan sukun. Maka sebutan huruf Hijaiyah menjadi dasar dan asas untuk perkara ibtida dan waqaf dalam bacaan.

11. Menentukan berbagai jenis waqaf.

Jika kita membaca setiap huruf Hijaiyah dengan sebut yang betul, maka jelas bahawa, kita akan berhenti dengan berbagai jenis bunyi dan keadaan. Dan ini ternyata menjadi



asas dan dasar untuk berbagai jenis dan keadaan saat waqaf dari sesuatu bacaan dalam al Quran.

Pertama: waqaf dengan Bacaan Qosr (pendek)

Ada dua jenis. Iaitu waqaf dengan bacaan Qosr dan tanpa perubahan bunyi pada huruf terakhir. Dan satu jenis lagi berlaku perubahan bunyi huruf lain saat waqaf.

Jenis waqaf		Bacaan	Huruf
Waqaf tanpa perubahan	أَلِفْ	أَلِفْ	ا
Waqaf dengan huruf Ha sukun.	هَمْزَه	هَمْزَةٌ	ء

Sebutan huruf Alif menjadi dasar untuk cara waqaf pada semua kalimat yang sama dengan bacaan huruf alif pada dua huruf terakhir.

Dan bacaan huruf Hamzah menajdi dasar untuk cara waqaf pada kalimat yang berakhir dengan Huruf Ta almarbutoh.

Waqaf	Ayat Quran	Waqaf	Bacaan	Huruf
مُقْتَدِرٌ	مُقْتَدِرٍ	أَلِفْ	أَلِفْ	ا
جَارِيَةٌ	جَارِيَةٌ	هَمْزَةٌ	هَمْزَةٌ	ء

Kedua: waqaf pada huruf Mad Asli dengan kadar bacaan dua harakah.

Waqaf	Ayat Quran	Bacaan	Huruf
-------	------------	--------	-------



وَضَحَاهَا	وَضَحَاهَا	حَا	ح
إِذَا سَجَى	إِذَا سَجَى	رَا	ر
عَلِيمًا حَكِيمًا	عَلِيمًا حَكِيمًا	طَا	ط
مُسَمَّا	مُسَمَّى	هَا	ه
تَجْرِي = تَجْرِي	كُونُوا = كُونُوا	يَا	ي

Ketiga: waqaf pada huruf yang sebelumnya adalah hurun mad asli.

Waqaf	Ayat Quran	Bacaan	Huruf	No
الْفَسَادُ	الْفَسَادُ	قَافٌ	ق	1
نَسْتَعِينُ	نَسْتَعِينُ	سِينٌ	س	2
يُؤْمِنُونَ	يُؤْمِنُونَ	نُونٌ	ن	3
وَلَا خَوْفٌ = وَلَا خَوْفٌ	أَنَا خَيْرٌ = أْنَا خَيْرٌ	عَيْنٌ	ع	4
مَثْوَايَ = مَثْوَايَ	هُدَايَ = هُدَايَ	زَايٌ	ز	5



No 1. Huruf (ق) mewakili kesemua huruf (ل ، ك ، ق ، ص) yang berada pada fawatihis suwar yang huruf kedua atau tengahnya adalah huruf mad Asli Alif, sebagai asas dan dasar untuk waqaf pada bacaan yang seumpama dengannya. Iaitu Mad Arid Lissukun dengan mad asli Alif. Dan huruf sebelumnya berbaris Fathah.

No 2. Huruf (س) mewakili kesemua huruf (م ، س) yang ada pada fawatihis suwar yang huruf tengah atau kedua dari akhir adalah huruf mad Asli Ya, menjadi dasar dan asas untuk waqaf pada setiap kalimat yang seumpama dengannya. Iaitu, mad Arid Lissukun dengan huruf mad Asli Ya dan huruf sebelumnya dan huruf sebelumnya berbaris kasrah.

No 3. Huruf (ن) iaitu satu satunya huruf yang mana huruf tengahnya adalah huruf (و) dan huruf sebelumnya berbaris Dhommah. Ianya menjadi dasar dan asas untuk waqaf pada semua kalimat yang semisal dengannya. Iaitu mad Arid Lissukun.

No 4. Huruf (ع) iaitu huruf di fawatihis suwar yang mana huruf tengahnya adalah huruf mad Asli Ya, akan tetapi huruf sebelumnya berbaris Fathah. Ia menjadi dasar dan asas kepada cara waqaf pada semua kalimat yang semisal dengannya. Sama ada huruf tengah adalah huruf mad Asli (ي), atau huruf mad Asli (و). Hukum bacaannya adalah mad Lin.

No 5. Huruf (ج) tidak termasuk dalam senarai huruf yang ada pada fawatihis suwar. Ianya berakhir dengan huruf (ي) sukun. dan sebelumnya adalah huruf mad Asli (ا). Bacaan huruf ini menjadi dasar dan asas untuk waqaf pada beberapa kalimat yang



semisal dengannya. Dimana ketiadaan mengenalnya dan memahaminya, maka ramai pembaca al Quran tidak dapat waqaf pada kalimta kalimta tersebut dengan baik dan betul.

Degan keterangan diatas, dapatlah kita ketahui beberapa perkara:

- a. Kesemua huruf diatas adal asal kepada bacaan Mad Arid Lissukun dan juga Mad Lin.
- b. Mad Arid Lissukun dan Mad Lin dalam bacaan ayat al Quran adalah saat waqaf. Dimana waqaf dengan mematikan huruf terakhir, yang sebelumnya adalah huruf mad Asli. Artinya, jika bacaan tidak berhentti, maka hukum bacaan saat itu adalah mad Asli dimama kadar bacaannya hanya dua harakah.
- c. Jika bacaan berhenti pada Mad Arid Lissukun atau mad Lin, maka kadar bacaan yang dibolehkan adalah: (dua harakah, empat harakah dan enam harakah)
- d. Jika waqaf dengan kadar dua harakah, sebab mengambil kira kedudukannya yang asal, iaitu sebagai Mad Asli. Jika waqaf dengan kadar bacaan enam harakah, sebab mengambil kira kesemaannya dengan mad Lazim Harfi. Jika waqaf dengan kadar bacaan empat harakah, sebab mengambil kira kedua kedudukan antara mad Asli dan Mad Lazim. Dengan menambah yang kadar dari mad Asli dan mengurangi kadar yang pada mad Lazim harfi.

V. **Kesimpulan dan penutup.**

Beberapa point kesipulan yang perlu diambil kira adalah:

Pertama: Huruf Hijaiyah memiliki beberapa kedudukan, dimana setiap kedudukan menghendaki cara membacanya dengan betul. Maka hendaknya ada suatu sistim pembelajaran bacaan al quran secara umum yang menyusun cara mengajar dan membaca huruf Hijaiyah dengan benar dan mudah.

Kedua: Sebutan huruf Hijaiyah yang benar dari aspek meenyebut nama huruf Hijaiyah adalah membantu pelajar dan pembaca al quran untuk:



- a. Mengenal dengan mudah asas asas dan dasar dasar ilmu Tajwid
- b. Memudahkan dalam mengamalkan ilmu tajwid saat membaca al Quran
- c. Meringkas berbagai tajuk dalam ilmu tajwid.

Ketiga: menjadi bukti bahawa sebelum masalah ilmu yang dibahas dalam ulumul quran seperti tafsir quran dengan quran dalam ilmu tafsir, atau hubungan ayat dengan ayat, surah dengan surah dalam ilmu susunan surah dan ayat al Quran, ternyata telah wujud sebagai dasar adalah hubungan huruf dengan huruf, dan hubungan huruf dengan kalimat dari aspek bacaan.

Keempat: menjadi sebab para pelajar dan pengkaji al quran serta semua yang membaca al quran dapat bertadabbur dan mengenal lebih dalam serta lebih mendekat kepada al Quran dari aspek bacaan.

Segala usaha diatas telahpun dimulai oleh kaedah At Taysir

Sekian, dan Akhir kalam:

وبالله التوفيق، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.